

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) untuk 12 inkues yang telah diselesaikan untuk kematian dalam tahanan polis 2009 sehingga 2014 (rujuk jawapan mesyuarat ketiga 2014 rujukan 7318 soalan 516, tiada tarikh), keputusan dalam setiap kes dan sama ada keputusan telah kenalpasti perlakuan jenayah dalam insiden kematian dan sekiranya ada, siapa; dan
- (b) untuk 15 kes di mana Majistret memutuskan tiada inkues diperlukan, senaraikan setiap kes dengan alasan untuk keputusan Majistret.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi 12 kes inkues yang melibatkan kematian dalam tahanan polis dari tahun 2009 hingga 2014, antara keputusan dalam prosiding inkues yang dijalankan oleh Koroner bagi kes-kes tersebut ialah disebabkan oleh sebab semula jadi (*natural causes*), nahas dan perbuatan membunuh diri. Dalam kesemua inkues yang dijalankan tersebut, tiada orang atau mana-mana orang yang dikenalpasti melakukan sesuatu perbuatan atau tinggalkan (*omission*) yang menyebabkan kematian orang dalam tahanan tersebut.

2. Bagi 15 kes yang mana Majistret memutuskan inkues tidak diperlukan, Majistret-Majistret yang telah meneliti dokumen-dokumen berkaitan dengan kematian di dalam fail Laporan Mati Mengejut telah berpuashati bahawa inkues tidak perlu dijalankan. Ini adalah kerana dapatan Majistret bahawa kematian adalah oleh sebab semula jadi, nahas dan perbuatan membunuh diri.

3. Walau bagaimanapun, dengan penubuhan Mahkamah Koroner pada tahun 2014, semua kes-kes kematian dalam tahanan polis telah dijalankan inkues.

Sekian, terima kasih.